

U B304 B A H
MAHATHIR - NUKLEAR
OLEH ZAKARIA ABDUL WAHAB

BANDAR SERI BENGAWAN, 3 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN INDONESIA BERSETUJU UNTUK BEKERJASAMA DALAM MENGEMBANGKAN PENGGUNAAN TENAGA NUKLEAR UNTUK KEPERLUAN TENAGA ELEKTRIK PADA MASA DEPAN, BAGI KEDUA-DUA NEGARA.

PERSETUJUAN ITU DICAPAI PADA PERBINCANGAN TIDAK RASMI ANTARA PERDANA HENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR HOHAMAD DAN PRESIDEN SUHARTO, DISINI HARI INI.

MENTERI SEKRETARIS INDONESIA MOERDIONO DALAM TAKLIMATNYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERBINCANGAN SELAMA 90 MINIT OLEH KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU, BERKATA BAHAWA MALAYSIA DAN INDONESIA AKAN MENGAJI PERKARA ITU LEBIH LANJUT KEMUDIAN.

KATANYA, MALAYSIA MELIHAT INDONESIA MEMPUNYAI PENGALAMAN DALAM PENGGUNAAN TENAGA NUKLEAR UNTUK MENJANA ELEKTRIK, DAN INDONESIA SENDIRI SUDAH ADA PUSAT REAKTOR NUKLEAR YANG MEMPUNYAI KEKUATAN 30 MEGAWATT DI PUSPIPTEK, SERPONG DEKAT JAKARTA DAN REAKTOR NUKLEAR, KARTINI DI YOGJAKARTA.

MENURUTNYA, KEDUA-DUA NEGARA ITU MUNGKIN BOLEH MENUMPUKAN KERJASAMA DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN LATIHAN KERANA BIDANG PENGGUNAAN TENAGA NUKLEAR UNTUK HENJANA ELEKTRIK DI INDONESIA MASIH PADA PERINGKAT AWAL. -- LAGI

1638tIST 03 08 89

U B311 BAH
(ULANGAN MEMBETULKAN PERENGGAN KEDUA)
MAHATHIR - NUKLEAR 2 BANDAR SERI BEGAWAN

PRESIDEN SUHARTO DAN DATUK SERI DR MAHATHIR BERADA DI SINI KERANA MENGHADIRI ISTIADAT BERKHATAN PUTERA SULONG SULTAN HASSANOL BOLKIAH, PENGIRAN MUDA MUHTADEE BILLAH, 15, DI ISTANA NURUL IMAN DI SINI MALAMTADI.

PRESIDEN FILIPINA PUAN CORAZON AQUINO, PERDANA MENTERI SINGAPURA ENCICK LEE KUAN YEW DAN PERDANA HENTERI THAILAND JEN CHATICHA CHOONHAVAN TURUT MENGHADIRI- ISTIADAT ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENGUNJUNGI PRESIDEN AQUINO DAN HENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN ENCICK LEE.

MOERDIONO JUGA BERKATA, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENYATAKAN KEINGINANNYA KEPADA PRESIDEN SUHARTO UNTUK MELAWAT DAN MENINJAU PULAU BATAM DI SELATAN PULAU SINGAPURA YANG KINI SEDANG DIBANGUNKAN SEBAGAI KAWASAN PERINDUSTRIAN' INDONESIA.

KATANYA, TARIKH LAWATAN DATUK SERI DR MAHATHIR KE PULAU ITU MASIH BELUM DIPUTUSKAN TETAPI IA AKAN DILAKUKAN TIDAK LAMA'LAGI. -- LAGI

1700MST 03 08 89

U 8308 BAH
MAHATHIR - NUKLEAR 3 BANDAR SERI BEGAWAN

PRESIDEN SUHARTO DAN DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERSETUJU UNTUK MENGEMBANGKAN LAGI KERJASAMA MENGENAI TENAGA KERJA TERUTAMA , KEMASUKAN PEKERJA INDONESIA KE MALAYSIA DENGAN CARA YANG LEBIH TERATUR.

KATANYA, SEMASA PERBINCANGAN ANTARA PRESIDEN SUHARTO DAN PRESIDEN AQUINO SEMALAM, PUAN AQUINO BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN INDONESIA KERANA KESEDIAANNYA MEMBERI PINJAMAN BERAS SEBANYAK 1001000 TAN KEPADA FILIPINA BERIKUTAN KEKURANGAN BEKALAN BERAS AKIBAT PADI TIDAK MENJADI DI NEGARA ITU TAHUN INI.

MENURUTNYA, BEKALAN BERAS ITU AKAN DISAMPAIKAN KEPADA FILIPINA SECEPAT MUNGKIN.

SELEPAS SANTAPAN TENGAH HARI BERSAMA-SAMA SULTAN BRUNEI, PARA PEMIMPIN ASEAN ITU MENGIKUTI UPACARA PERARAKAN PENGIRAN MUDA MUHTEDES BILLAH YANG BERMULA DARI ISTANA DAN BALIK SEMULA KE ISTANA ITU, SEJAUH EMPAT KILOMETER SEKITAR BANDAR INI.

KESEMUA KETUA KERAJAAN ASEAN ITU AKAN PULANG KE NEGARA MASING-MASING HARI INI KECUALI PERDANA MENTERI THAILAND JEN CHATICHAI CHOONHAVAN YANG AKAN MENYAMBUNG LAWATANNYA KE MALAYSIA HARI INI. -- BERNAMA
1651MST 03 08 89